

11 MAY 1996

Razaleigh-Umno

REAKSI ANGGOTA S46 TERHADAP KERJASAMA DENGAN UMNO BERBEZA, KATA KU LI

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah berkata cadangan supaya parti itu bekerjasama dengan Umno diterima baik oleh sebilangan besar anggota S46.

Beliau berkata walaupun pada awalnya terdapat reaksi berbeza di kalangan anggota parti itu mengenai cadangan itu, pada prinsipnya mereka bersetuju dengan cadangan itu kerana ia akan membawa ke arah penyatuan orang-orang Melayu.

"(Walaupun) nampaknya mereka tak begitu seronok...tetapi mereka bersetuju kalau kita bekerjasama," katanya kepada pemberita selepas majlis sambutan ulangtahun ke-50 Penyatuan Bangsa Melayu 1946 anjuran S46 di ibu pejabat parti itu di Desa Pandan di sini, malam ini.

Kira-kira 2,000 orang menghadiri majlis itu termasuk Timbalan Presiden Datuk Rais Yatim, Pengerusi Tetap Datuk Yusof Latif, Setiausaha Agung Datuk Manan Osman, anggota-anggota Majlis Tertinggi serta Setiausaha Agung Parti Rakyat Malaysia (PRM) Dr Sanusi Osman.

Semalam, Tengku Razaleigh berkata S46 akan memberi sokongan dan kerjasama sebagai rakan kepada parti yang memerintah serta menyokong kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

Ketika ditanya sama ada pucuk pimpinan S46 akan meneruskan cadangan untuk bekerjasama walaupun tidak mendapat persetujuan menyeluruh daripada anggota-anggota S46, beliau berkata: "Kita tak ada membuat keputusan apa-apa. Kita mengamalkan sikap terbuka...kita akan dengar pandangan mereka dan kita tidak boleh membuat sesuatu keputusan dengan terburu-buru."

Tengku Razaleigh berkata beliau akan menjelajah ke seluruh negara untuk menjelaskan kepada anggota parti itu mengenai cadangan itu supaya mereka mendapat gambaran serta matlamat sebenar cadangan itu.

Beliau berkata cadangan untuk membubarkan S46 dan anggota-anggota parti itu menyertai Umno tidak timbul sekarang "kerana apa yang saya katakan ialah kita bekerjasama dengan parti yang memerintah".

Terdahulu dalam ucapannya Tengku Razaleigh berkata jika cadangan itu dilaksanakan, ia akan dimulakan dengan "mengikat kerjasama dan menjalin hubungan sebagai rakan dengan parti yang memerintah".

"Kalaupun penyatuan terpaksa dilakukan selepas itu, ia mesti dibuat setelah mendapat persetujuan dari anggota-anggota parti," katanya dan menambah sehingga kini, perundingan di "peringkat tertinggi" masih dijalankan.

"Percayalah kepada saya, walau apapun keputusan yang dibuat, prinsip dan matlamat kita tetap diutamakan iaitu untuk orang Melayu.

"Kita telah berenang bersama-sama. Tenggelam atau timbul sepatutnya bersama-sama. Inilah yang membezakan kita dengan pembelot atau mereka yang melompat," kata beliau diikuti dengan tepukan gemuruh dan sorakan "Hidup Melayu" daripada hadirin yang hadir.

Beliau juga mengingatkan anggota-anggota S46 supaya jangan terpengaruh dengan dakwah bahawa parti itu telah dibubarkan kerana "sesungguhnya parti kita masih wujud...masih berfungsi dan bergerak seperti biasa".

Kemudian ketika ditanya pemberita mengenai kenyataan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat hari ini bahawa kerajaan negeri mungkin mengambil tindakan terhadap Timbalan Menteri Besar Dua Datuk Rozali Isohak ekoran dakwaan-dakwaannya terhadap kerajaan negeri, Tengku Razaleigh berkata: "Kita tengoklah apa tindakan yang akan diambil...Dia memang nak tendang kita keluar."

Mengenai keputusan mesyuarat Exco negeri Kelantan baru-baru ini yang memutuskan supaya Rozali dan Timbalan Menteri Besar 1 Haji Abdul Halim Abdul Rahman dari PAS menghadap Sultan Kelantan berhubung cadangan pindaan perlembagaan negeri untuk menghadkan kuasa Raja, Tengku Razaleigh berkata Rozali tidak perlu berbuat demikian kerana "ia adalah masalah PAS dengan Istana". -- BERNAMA

ES NAK